

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 50 )

29 Ogos 2018  
17 Zulhijjah 1439

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 45/2018**

### **PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN KRITERIA PENILAIAN PRESTASI STAF BUKAN AKADEMIK (e-LNPT)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 26/2017 bertarikh 27 Disember 2017 telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan kriteria penilaian prestasi bagi staf bukan akademik mulai tahun 2018 merangkumi semua gred dan skim perkhidmatan.

2. Penambahbaikan yang terlibat adalah seperti berikut:

#### **2.1 Pengukuran *Key Amal Indicator* (KAI)**

2.1.1 Meningkat dan meletakkan wajaran KAI bagi staf bukan akademik seperti berikut:-

Bil	Gred	Wajaran KAI
1	JUSA	50%
2	54	45%
3	48 – 52	40%
4	41 – 44	30%
5	1 – 40	20%

2.1.2 Penetapan lima (5) KAI berdasarkan objektif strategik universiti iaitu:-

Bil	KAI	Status
1	% Penghasilan kerja utama	Wajib (50%)
2	% Sumbangan/ penglibatan dalam menambahbaik sistem penyampaian dan produktiviti organisasi	Wajib (15%)
3	% Penglibatan/ sokongan staf dalam program rasmi unit/ jabatan/ fakulti/ PTJ/ Universiti	Wajib (15%)
4	% Penglibatan dalam tugas-tugas khas (ad-hoc basis) (rasmi)	Pilihan*
5	% Penglibatan dalam pengurusan kualiti di peringkat PTJ/ Universiti	Pilihan*

2.2 **Penentuan Pegawai Penilai Pertama**

Menetapkan Pegawai Penilai Pertama minimum 1 orang dan maksimum 3 orang berdasarkan justifikasi keperluan dalam sesetengah jabatan/ staf berpindah jabatan dalam tahun penilaian.

2.3 **Penetapan Peratus Kehadiran**

Mengambilkira kehadiran sebagai salah satu komponen penilaian untuk disiplin dengan menetapkan peratus kehadiran seperti jadual berikut:-

Bil. Kesalahan	(Tolak) Peratus	Markah (%)
1 – 20	0%	5
21 – 40	0.5%	4.5
41 – 60	1%	4
61 ke atas	2%	3

#### 2.4 Penilaian 360 Darjah

Penilaian 360 Darjah untuk kumpulan 1 – 40 bagi menggantikan kriteria penilaian kualiti peribadi dengan penetapan wajaran seperti berikut:-

Gred	PPR @ PPS	PPP	PPK	Jumlah
1 – 40	5%	5%	5%	15%

#### 2.5 Kegiatan dan Sumbangan

Menambahbaik cara pengiraan markah supaya lebih tepat dengan aktiviti dan sumbangan yang diberikan berdasarkan rubrik yang ditetapkan. Markah bagi kegiatan dan sumbangan adalah antara 5 – 10% berdasarkan gred dan tidak lagi ditetapkan oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK). Staf perlu masukkan maklumat kegiatan dan sumbangan mereka beserta dengan bukti aktiviti yang perlu disahkan sama ada oleh PPP/ PSM.

#### 2.6 Kriteria Kepimpinan

Menjadikan kriteria kepimpinan sebagai salah satu kriteria penilaian bagi staf gred 41 – 54 dengan penetapan wajaran seperti berikut:-

Bil	Gred	Wajaran KAI
1	54	15%
2	48 – 52	15%
3	41 – 44	10%

## 2.7 Bonus

Pemberian markah bonus sebanyak 10% bagi aktiviti seperti:-

- 2.7.1 Limpahan markah dari Kegiatan dan Sumbangan (tidak melebihi 5%)
- 2.7.2 Peningkatan Akademik
- 2.7.3 Aktiviti Perundingan/ Penyelidikan
- 2.7.4 Penulisan Ilmiah/ Penerbitan
- 2.7.5 Anugerah/ Pengiktirafan
- 2.7.6 Sumbangan Webometrik


3. Staf boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan penambahbaikan penilaian prestasi (e-LNPT) ini di link berikut <http://registrar.utm.my/bsm/gp-penambahbaikan-elnpt/>.

4. Diharapkan melalui penambahbaikan ini, staf akan terus memberikan perkhidmatan terbaik bagi memacu kecemerlangan Universiti.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)  
Pendaftar

s.k. - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pengarah Pusat Penyelidikan-Kampus Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah